

18 AUG 1997

Mahathir-Pantas

NEGARA HARUS MEMBANGUN LEBIH PANTAS

MIRI, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia perlu dibangunkan dengan lebih pantas untuk memberikan rakyat segala peluang menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan mengejar negara-negara maju.

"Kita perlu bergerak pantas dan cepat. Jika kita lambat, kita tidak akan dapat mengejar mereka dan jurang akan bertambah besar dan selamanya, kita akan ketinggalan," kata beliau pada majlis pecah tanah bangunan Pusat Kebudayaan Miri di sini.

Sambil menolak kritikan asing bahawa pembangunan negara terlalu pantas dan ekonominya menjadi terlampau panas, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak berkata Malaysia sebelum ini telah ketinggalan jauh semasa penjajahan.

"Ini bukan keadaan yang terlampau panas, ini merupakan pembangunan yang terancang," katanya.

Beliau berkata projek pembangunan dijalankan di seluruh negara dengan kren menara yang dapat dilihat dengan mudah di mana-mana sahaja termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Kren menara merupakan simbol kepada pembangunan yang sangat pesat itu dan ada orang yang mencadangkan kepada saya agar ia dijadikan simbol negara," katanya dengan disambut gelak ketawa daripada 3,000 tetamu yang menghadiri majlis itu.

Projek bernilai RM56 juta di kawasan 10 hektar itu yang bertemakan taman bandar mengandungi sebuah taman botani, teater terbuka yang boleh menampung lebih 8,000 penonton dan pusat sumber.

Turut hadir Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Timbalan-Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu dan Datuk Dr George Chan dan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berminat untuk membina tugu peringatan tetapi untuk melaksanakan pembangunan yang dapat mempertingkatkan taraf hidup rakyat dengan menyediakan kemudahan yang selesa seperti tempat perlindungan, makanan dan pakaian.

"Kita bersedia untuk bekerja keras dan memakmurkan negara bagi menyediakan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat," katanya.

"Negara barat mempunyai bandar raya yang baik yang dimajukan dalam masa beratus-ratus tahun tetapi apabila kita melakukannya, mereka kata pembangunan negara kita terlalu pantas, terlalu bercita-cita tinggi, hidup melebihi kapasiti yang dimiliki dan tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk tujuan itu.

"Mengapa orang sebegini mengkritik kita sedangkan kita hanya mahu menyediakan rakyat satu kehidupan yang baik?" katanya.

Mengenai Sarawak, Dr Mahathir berkata negeri itu beruntung kerana mempunyai pemimpin yang berkebolehan bagi menguruskan negeri itu dengan baik.

Sarawak mengalami pembangunan yang pesat dalam tempoh 15 tahun lepas. Ramai rakyatnya kini mampu memiliki kereta dan kesemua bandar utama dihubungkan dengan jalan raya, katanya. -- BERNAMA

MT MS NMO